

31 AUG 1997

Merdeka (Rangkuman)

MENGISI ERTI KEMERDEKAAN DENGAN PERJUANGAN MEMPERTAHANKAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- "Jalur Gemilang" berkibar megah di merata pelusuk negara sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-40 hari ini sambil seluruh rakyat diingatkan berwaspada terhadap "musuh-musuh" yang mahu menghancurkan kejayaan yang dicapai negara selama ini.

Jika pada masa lalu, pengorbanan mempertahankan negara dipikul oleh kalangan politik dan anggota tentera, kali ini beban itu diletakkan di atas bahu kalangan korporat untuk memastikan ekonomi negara terus mantap meskipun menghadapi serangan "manipulator" asing.

"Apa yang kita usahakan selama 40 tahun ini boleh dimusnahkan oleh mereka (manipulator asing) hanya dalam beberapa minggu sahaja," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya malam tadi, merujuk kepada serangan terhadap ringgit dan kejatuhan pasaran saham.

Perjuangan kali ini menuntut rakyat bukan sekadar megah dengan slogan "Berbangga Kami Anak Malaysia" tetapi perlu membuktikan sumbangan mereka, tidak kira sebesar mana, kepada negara kerana penjajahan masih boleh berlaku dalam bentuk baru.

Sementara itu, upacara sambutan berlangsung dengan meriah di seluruh negara.

"Jalur Gemilang", nama yang diberi kepada bendera kebangsaan, diarak semasa perbarisan utama di Dataran Merdeka di sini, manakala jutaan lagi dikibarkan pada bangunan-bangunan komersil dan kediaman serta di jalan-jalan raya oleh pelbagai jenis kenderaan.

Meskipun jerebu masih lagi menyelubungi ruang udara negara, juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia tetap meneruskan misi lintas hormat dengan lima helikopter Nuri membawa bendera kebangsaan dan bendera-bendera Angkatan Tentera Malaysia.

Sambutan peringkat kebangsaan disaksikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta barisan pemimpin negara dan diplomat asing.

Puluhan ribu rakyat Malaysia juga tidak melepaskan peluang menyaksikan persembahan padang dan upacara lintas hormat oleh 57 kontinjen berjalan kaki dan 38 pancaragam beruniform.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kejutan istimewa apabila tiba di Dataran Merdeka memandu kereta Kancil berwarna merah plet Perodua 1001 membawa isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dengan menerima tepukan gemuruh orangramai.

Turut hadir pada sambutan bertemakan "Akhlag Mulia Masyarakat Jaya" itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Wan Azizah Ismail.

Persembahan padang yang dijayakan lebih 1,000 murid-murid sekolah rendah dan menengah mempamerkan pelbagai formasi menarik termasuk membentuk logo hari kebangsaan dan Menara Kuala Lumpur menggunakan warna-warna bendera: biru, merah dan kuning.

Perarakan lintas hormat yang disertai lebih 10,000 peserta tidak kurang menariknya dengan kontinjen-kontinjen menyerlahkan kreativiti masing-masing dengan pakaian seragam yang menarik untuk pasukan mereka.

Antara konsep pakaian yang popular tahun ini seperti yang digunakan beberapa kontinjen ialah menggunakan warna-warna "Jaluran Gemilang" digabungkan dengan warna perak, emas dan hijau metalik sebagai pakaian melayu lengkap dengan tengkolok.

Pesawat juang TUDM MiG-29, MiG-29N Fulcrum, Hornet, Hawk dan F/A-18D

pula mengambil kesempatan dengan cuaca yang semakin cerah untuk membuat lintas hormat ketika kontinjen berkenderaan memulakan perarakan tanpa sempat diumumkan oleh pengacara majlis.

Sebelum ini pesawat-pesawat TUDM dilaporkan mungkin tidak dapat menjalankan lintas hormat udara disebabkan keadaan jerebu yang agak tebal sejak beberapa hari lepas.

Di SANDAKAN, seramai 20,000 orang menyertai perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri yang berlangsung di Jalan Leila di sini.

Penyertaan skuad berkuda membabitkan 25 ekor kuda yang sebelum ini melakukan ekspedisi membawa bendera Malaysia dari Kota Kinabalu ke bandar ini, memeriahkan lagi acara yang berlangsung dalam cuaca baik, walaupun masih kelihatan berjerebu.

Skuad berkuda itu yang memulakan perjalanan pada 24 Ogos lepas berjaya menyempurnakan perjalanan sejauh 340km.

Sebanyak 50 unit motosikal pelbagai warna yang dibawa khusus dari Tawau turut menyertai perarakan itu yang dihadiri Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan isteri Toh Puan Hajai Rukaiyah Datuk Panglima Abdullah.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee serta menteri-menteri kabinet kerajaan negeri turut serta menyaksikan perarakan itu. Sabah merupakan tuan rumah sambutan Hari Kebangsaan ke-39 peringkat kebangsaan tahun lepas.

Di KUCHING, hujan renyai-renyai tidak menghalang beribu-ribu penduduk tempatan membanjiri Padang Merdeka di sini untuk menyertai perhimpunan Hari Kebangsaan peringkat negeri.

Hujan lebat yang turun pada awal pagi ini seolah-olah satu rahmat kemerdekaan bagi seluruh penduduk bandar raya ini yang mengalami cuaca panas dan berjerebu sejak bulan lepas.

Sejumlah 112 kontinjen dari pasukan berpakaian seragam, jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan swasta mengambil bahagian dalam perhimpunan itu.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Hajah Laila, Timbalan-Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu dan Datuk Dr George Chan, menteri-menteri kabinet antara yang hadir pada upacara itu.

Di KOTA BAHARU, hampir 4,000 orang mengambil bahagian dalam perbarisan lintas hormat dan perarakan bendera Jalur Gemilang serta bendera negeri Kelantan di Stadium Sultan Mohamad ke IV di sini.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika berucap berkata tempoh 40 tahun kemerdekaan Malaysia telah banyak mencapai perubahan termasuk kemajuan dalam bidang ekonomi yang mampu menaikkan taraf hidup masyarakat.

Katanya kerajaan Kelantan akan terus mengisi kemerdekaan negara dengan meningkatkan pembangunan fizikal dan rohani rakyat secara seimbang agar kepesatan kemajuan yang dinikmati tidak merugikan mana-mana pihak

Di KANGAR, Raja Muda Perlis menyertai ribuan rakyat jelata menyaksikan perarakan 114 kontinjen yang membabitkan lebih 4,000 peserta di Padang Bandaran di sini.

Perarakan sejauh tiga kilometer mengelilingi bandar Kangar turut disertai oleh kontinjen penentang Malayan Union dan kanak-kanak taman bimbingan.

Raja Muda Perlis turut melepaskan 40 ekor burung merbuk sebagai simbol ulang tahun kemerdekaan yang ke-40.

Di PULAU PINANG, sambutan penuh berwarna warni di Padang Perbandaran turut disaksikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar serta barisan Anggota Exco Kerajaan Negeri yang lain.

Majlis sambutan peringkat negeri itu bermula sejak semalam dengan upacara majlis tahlil di masjid Kepala Batas yang disertai ratusan umat Islam termasuk Hamdan serta semua barisan Exco Kerajaan Negeri yang

beragama Islam.

Di IPOH, seramai 3,000 orang mengambil bahagian dalam perarakan Hari Kebangsaan di Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, berhadapan Stesen Keretapi di sini mulai pukul lapan pagi.

Perbarisan Hari Kebangsaan itu turut diadakan serentak di kesemua sembilan daerah di Perak hari ini.

Tiga pesawat Skuadron 499 Unit Udara Tentera Laut Diraja Malaysia yang berpangkalan di Lumut turut melakukan lintas hormat dengan membawa bendera "Jalur Gemilang", Bendera Perak serta bendera TLDM.

Di MELAKA, upacara meriah dimulakan dengan majlis menaikkan bendera "Jalur Gemilang" sebelum diarak melintasi Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Bandar Hilir.

Kira-kira 5,000 peserta menyertai perbarisan Hari Kebangsaan yang berlangsung di Padang Pahlawan di sini.

Di KUANTAN, kira-kira 6,000 peserta terdiri daripada anggota tentera, polis, pertubuhan sukarela, persatuan dan sekolah serta pasukan pancaragam menyertai perarakan yang melalui beberapa jalan utama di bandar ini.

Mereka memberikan tabik hormat kepada Pemangku Raja Pahang Tengku Abdulah Sultan Ahmad Shah dan Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob semasa melalui pentas utama di Jalan Mahkota.

Di KUALA TERENGGANU, kira-kira 10,000 orang mengambil bahagian dalam perbarisan sambutan perayaan Hari Kebangsaan peringkat negeri Terengganu di lapangan Syahbandar di sini hari ini.

Sebelum perarakan bermula, Sultan Terengganu telah memeriksa perbarisan kawalan kehormatan Batalion Ke-18 Rejimen Askar Melayu di Raja, Kem Sri Pantai, Kuala Terengganu.

Pada majlis itu juga Sultan menerima persembahan Buku Penghayatan Hari Kebangsaan daripada pegawai-pegawai daerah untuk disimpan di Muzium Negeri.

-- BERNAMA

HJ RON